

Rujukan : UKM.UIG.1/7/1

Tarikh : 27 Mei 2021

PEKELILING UNIT INTEGRITI BIL. 4/2021

SEMUA WARGA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PELAN TINDAKAN INTEGRITI (PTI) UKM 2021-2025

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan UKM melalui Unit Integriti telah membangunkan Pelan Tindakan Integriti (PTI) UKM 2021-2025. PTI UKM (Pelan Anti Rasuah Organisasi) ini dibangunkan berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No.1 2018, Siri 2 No 1 Tahun 2019 - Pemantapan Governan, Integriti dan Anti-rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional. Pelan ini merupakan dasar antirasuah yang menyokong hasrat kerajaan dan rakyat untuk mewujudkan negara bebas rasuah dengan mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

3. Pelan ini dibangunkan oleh Jawatankuasa Pembangunan PTI berdasarkan dapatan daripada siri Bengkel Pengurusan Rasuah UKM, analisis data bersama Pegawai Fokal Integriti PTJ serta sesi libat urus dengan PTJ Peneraju bertujuan untuk:

- i. Menyediakan hala tuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas di UKM;
- ii. Menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan rasuah di UKM dan mempamerkan komitmen pengurusan yang tinggi dalam usaha ini;
- iii. Menyediakan satu platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan mekanisma pemantauan dan pelaporan yang boleh dibuat kepada pengurusan tertinggi UKM secara berkala.

4. Pembangunan PTI merangkumi perancangan dan tindakan bagi tempoh 5 tahun iaitu dari 2021 sehingga 2025 dalam 4 bidang keutamaan yang telah dikenalpasti iaitu:

- i. Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan
- ii. Pengurusan Kewangan

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3182/3139/5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/integriti>


- iii. Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar
- iv. Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Penerbitan

dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) Bil. 7/2021 pada 4 Mei 2021 serta makluman kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2021 bertarikh 6 Mei 2021.

- 5. Buku Pelan Tindakan Integriti (PTI) UKM 2021-2025 akan dilancarkan pada bulan Julai 2021 dan pemakluman serta hebahan seterusnya akan dibuat kepada semua warga UKM.

Segala perhatian daripada pihak YBhg. YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai. Sekian terima kasih.

Yang benar,



HAIRUZZAKI MOHD. YUSOFF

Ketua

Unit Integriti

- s.k
- Pengerusi UKM
 - Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan

Ms2

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3282/3139/5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/integriti>